

18 FEB 1997

Najib-Video

NAJIB TERIMA SIRI VIDEO BIMBINGAN KERJAYA

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Kementerian Pendidikan hari ini menerima set siri video bimbingan kerjaya daripada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) untuk diedarkan ke 400 sekolah bantuan penuh kerajaan khususnya di luar bandar.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak menerima satu set 10 siri video yang mengandungi 20 bidang kerjaya profesional itu daripada Presiden Gabungan Persatuan Pelajar Lulusan Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Mukhriz Mahathir pada majlis ringkas di kementerian itu.

Siri video itu menonjolkan aspek-aspek mengenai kerjaya jurusan sains seperti kejuruteraan dan kedoktoran di samping bidang komputer dan teknologi maklumat serta bidang kerjaya yang digalakkan oleh kerajaan.

Najib berkata siri video itu dapat membantu pelajar merancang masa depan mereka dengan memilih bidang kerjaya yang sesuai dengan minat masing-masing dan sesuai dengan keperluan negara.

"Saya harap tidak akan timbul lagi masalah para pelajar di peringkat universiti terpaksa menukar kursus semata-mata kerana kursus yang diambil tidak sesuai dengan minat mereka," katanya.

Sebelum itu, Mukhriz berkata siri video itu turut mendedahkan pelajar dengan pelbagai jenis kerjaya yang terdapat dalam pasaran.

"Ini selaras dengan dasar pembangunan tenaga manusia kerajaan yang kini memberi penekanan kepada jurusan sains seperti yang disarankan oleh kementerian," katanya.

Beliau berkata, Ansara akan mendapatkan maklumat balas daripada sekolah yang menerima pita video itu sebelum merancang penerbitan siri dalam bidang kerjaya lain pula. -- BERNAMA

NZ NMO